



ثجابت فغارہ تانہ دان خالین جوہر

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
BANGUNAN DATO MOHAMAD SALLEH PERANG,
KOTA ISKANDAR, PETI SURAT 718,
79576 ISKANDAR PUTERI
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pejabat Am : 07-2666880/81/82
Pengarah : 07-2666879
Fax Pejabat : 07-2661433/40



Rujukan Kami :PTG(D)15/5/12

Tarikh : 30 Januari 2020

Edaran sebagaimana di **Lampiran**

Tuan,

ARAHAN PELAKSANAAN PERMOHONAN PENURUNAN HAD HARGA MINIMA PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN ASING DI NEGERI JOHOR

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor di mesyuaratnya pada 11.12.2019 menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil 1876/2019 telah BERSETUJU dengan pelaksanaan permohonan had harga minima perolehan hartanah oleh kepentingan asing yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Permohonan penurunan had harga minima perolehan hartanah oleh kepentingan asing hanya dibenarkan bagi perumahan berharga RM 1 Juta ke atas yang akan dipertimbangkan penurunannya kepada harga RM600,000.00 berdasarkan setiap kes (case by case basis) dan termasuk dalam syarat-syarat berikut :

- i) Kediaman jenis strata bertingkat, Pangsapuri Perkhidmatan dan SOHO
- ii) Telah siap dilancarkan dan telah melepasi 9 bulan dari tarikh mendapat kelulusan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC)

3. Tatacara permohonan penurunan had harga minima perolehan hartanah oleh kepentingan asing adalah sebagaimana berikut :

- 3.1 Permohonan perlu dikemukakan oleh pemaju perumahan dengan menggunakan borang KA-8 di **Kembaran 1** dan disertakan dengan Senarai Semak di **Kembaran 2**.
- 3.2 Permohonan perlu dikemukakan bersama dengan Akuan Berkanun sebagaimana **Kembaran 3**.

Pendaftaran Hakmilik : 07-2666833 Fax : 07-2661440
Kemajuan : 07-2666844
Hakmilik Strata : 07-2666821
Teknikal : 07-2666813
Perundangan : 07-2666895

SBKS : 07-2666840 Fax : 07-2661443
Kurniaan : 07-2666853 Fax : 07-2661424
Audit Pengurusan : 07-2666832
Teknologi Maklumat : 07-2666887
Kuatkuasa : 07-2347891 Fax : 07-2347892

- 3.3 Bayaran proses adalah sebanyak **RM 5,000.00** bagi setiap projek yang dipohon.
- 3.4 Tempoh 6 bulan daripada tarikh kelulusan Kerajaan diberikan kepada pemaju yang ingin menyertai program khas ini mendapatkan pembeli-pembeli.
- 3.5 Tarikh tutup permohonan daripada semua pemaju adalah pada **29 Februari 2020**.
- 3.6 Tarikh akhir penerimaan permohonan kebenaran pindahmilik kepentingan asing ('*Foreign Concent*') di bawah program ini adalah pada **30 November 2020**.
- 3.7 Bayaran kelulusan kebenaran pindahmilik oleh kepentingan asing yang dikenakan adalah 5% dari harga jualan atau RM 30,000.00 (mana yang lebih tinggi) bagi setiap hakmilik yang diluluskan.

4. Surat ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Johor Bil 2/2014 Dasar Baru Perolehan Hartanah oleh Kepentingan Asing di Negeri Johor bertarikh 10 Februari 2014.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah



(DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD KADIR)

Pengarah Tanah dan Galian

Johor

AKB/ross/penurunanhargakepentinganasing

- s/k :
1. YB. Setiausaha Kerajaan Johor
 2. YB. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi Dan Multimedia
 3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)
 4. Setiausaha Bahagian (Bahagian Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
 5. Ketua Setiausaha Sulit
Pejabat YAB Menteri Besar Johor

Edaran Pentadbiran

1. Timbalan Pengarah PTG Pengurusan
2. Timbalan Pengarah PTG Pendaftaran
3. Semua Pentadbir Tanah Daerah
4. Semua Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kecil
5. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan
6. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pelupusan, Penguatkuasaan dan Teknikal
7. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Hasil dan Teknologi Maklumat
8. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendaftaran Pendaftaran

Edaran Luar

1. Johor Bar Committee
No. 5, Jalan Tun Abdul Razak
Susur 1/1, 80000 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
2. Pengerusi
Real Estate & Housing Development Association (REHDA)
No 27-C Jalan Glasier
Taman Tasek
80200 Johor Bahru, Johor
3. Presiden
Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia
2735A, Jalan Taman Permata 4
53300 Kuala Lumpur

BORANG KA-8

PERMOHONAN MENURUNKAN HARGA MINIMA PEROLEH KEPENTINGAN ASING
(Selaras dengan Keputusan Kerajaan MMK1876/2019)

Kepada:

PENGARAH TANAH DAH GALIAN NEGERI JOHOR

1. Kami(No. Pendaftaran :.....
yang beralamat
.....
.....
.....

Pemilik Tanah / Pemaju kepada plot tanah sebagaimana butiran berikut:-

No. Lot / PTD (Lampiran 1: Carian Persendirian terkini)	
Luas	
No. Hakmilik	
Mukim	
Daerah	

Dengan ini memohon agar harga ambang (minimum) pemilikan warga asing bagi projek di atas dikurangkan daripada RM 1 juta kepada RM600,000.00.

2. Di senaraikan maklumat projek yang disyaratkan oleh PTG sebagaimana di bawah:-

Nama Projek	
No. Lesen Pemaju (Salinan dokumen dilampirkan)	
Tarikh Projek Dilancarkan	
No. Rujukan SBKS (Salinan dokumen dilampirkan)	
Tarikh Kelulusan SBKS	
No. Rujukan CCC	
Tarikh Kelulusan CCC (Salinan dokumen dilampirkan)	

3. Berikut merupakan senarai komponen pembangunan yang terlibat di dalam projek berkenaan:-

Jenis Komponen	Harga Hartanah	Syarat Nyata Diluluskan	Jumlah Unit
Jumlah Unit Keseluruhan			

4. Akuan pemohon [Akta SPRM (Akta 694) 2009]

Seksyen 18 - Kesalahan dengan maksud memperdayakan Prinsipal oleh Agen "seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sbagai seorang ejen dia menggunakan dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengan principal itu mempunyai kepentingan dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya".

Cop rasmi syarikat

.....
Tandatangan pemohon

Nama :

ULASAN TIMBALAN PENGARAH PTG

Permohonan ini adalah menepati kriteria ditentukan dan boleh di SOKONG untuk di bawa ke pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

TIDAK DISOKONG

Tandatangan :
Tarikh :

KEPUTUSAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR

SETUJU / TIDAK SETUJU untuk dibawa ke pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri

Tandatangan :
Tarikh :

SENARAI SEMAK
PERMOHONAN MENURUNKAN HARGA MINIMA PEROLEHAN KEPENTINGAN ASING
 (Selaras dengan Keputusan Kerajaan MMK 1876/2019)

NAMA PEMAJU : _____

NAMA PROJEK DAN FASA : _____

MUKIM/DAERAH : _____

Bersama-sama ini dikemukakan salinan dokumen berikut yang diakui sah ('CTC'):

BIL	DOKUMEN	SEMAKAN PEMOHON	SEMAKAN PEJABAT
1.	Borang permohonan (Borang KA 8)		
2.	Memorandum & Article Syarikat (M &A) Pemaju		
3.	Salinan Sijil pendaftaran Syarikat Pemaju		
4.	Senarai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Pemaju – Borang 49 Akta Syarikat		
5.	Senarai Pemegang Saham Syarikat Pemaju - Borang 24 Akta Syarikat		
6.	Salinan Lesen Pemaju Perumahan (Akta Pemajuan Perumahan 1966)		
7.	Lesen APDL bagi projek yang mengandungi unit tidak terjual		
8.	Salinan surat kelulusan SBKS terkini		
9.	Salinan CCC		
10.	Bukti pelancaran unit-unit berkaitan		
11.	Akuan Sumpah Berkanun		
12.	Carian persendirian terkini		
13.	Bayaran proses RM 5,000.00 No Cek : _____		

AKUAN BERKANUN

Permohonan Menurunkan Harga Minima Perolehan Hartanah oleh
Kepentingan Asing

Pemohon :

Kad pengenalan :

No Syarikat :

No Lesen Pemaju :

No. Lot :

No. Hakmilik :

Luas :

Mukim :

Daerah :

Saya sebagaimana nama dan no. Kad Pengenalan di atas telah diwakili oleh syarikat di atas untuk menandatangani Akuan Berkanun ini. Saya/Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa tanah sepertimana di atas pada masa ini telah mendapat kelulusan CCC pada tarikh

Dan saya membuat Akuan Berkanun ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Nama)
 Di alamat)
)
)
 Di Negeri)
)
 Pada haribulan..... Tahun) * Pesuruhjaya Sumpah/
 Majistret/Hakim Mahkamah
 Sesyen

*(Potong yang tidak Berkenaan)